



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**01 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**


**Kosmo**

- |                                             |    |
|---------------------------------------------|----|
| - Isu & Hak Pengguna                        | 20 |
| - Tikus vektor penyebar penyakit berjangkit | 24 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>01 OKTOBER 2018 (ISNIN)</b> |                    |
|---------------------------------------------------------|--------------------|
| Akhbar                                                  | Kosmo              |
| Tajuk Berita                                            | Isu & Hak Pengguna |
| Muka Surat                                              | 20                 |





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>01 OKTOBER 2018 (ISNIN) |                                           |
|-------------------------------------------|-------------------------------------------|
| Akhbar                                    | Kosmo                                     |
| Tajuk Berita                              | Tikus vektor penyebar penyakit berjangkit |
| Muka Surat                                | 24                                        |

**K2** 24 Oleh AFIQ AMANI NAHDIRSHA  
ISU PERTAMBAHAN populasi menjadi penyebab kepada pembiakan tikus. - Gambar hiasan

KOSMO! ISNIN 1 OKTOBER 2018

# Tikus vektor penyebar penyakit berjangkit

Kosmo 1/10/18 m/s 24

**78,000 ekor tikus ditangkap di KL**

KERATAN Kosmo! pada 23 September 2018.

Menurut Hasmah, amalan pengurusan sisa yang tidak lestari, keadaan persekitaran, sistem sanitasi yang lemah dan longgokan sampah sarap turut mengundang kepada pembiakan tikus. Justeru, selain kaedah seperti *clean up*, *seal up* dan *trap up* yang sering digunakan dalam operasi penghapusan tikus, masyarakat disarankan untuk mengubah tingkah laku mereka.

Hasmah memberitahu, menghapuskan punca makanan tikus di kawasan bandar akan membantu mengawal populasi pembiakan haiwan tersebut. "Punca makanan tikus adalah berkait rapat dengan pengurusan sisa makanan. Jadi, menguruskan sisa makanan dengan berkesan adalah satu kaedah untuk menutup peluang kepada kehadiran tikus di persekitaran bandar.

"Amalan kitar semula sisa pepejal seperti sisa makanan diyakini boleh mencegah pencemaran persekitaran. Dapur yang sentiasa bersih dan amalan penyediaan makanan yang baik dalam kalangan penyedia makanan sangat penting untuk mencegah kehadiran tikus di persekitaran premis menjual makanan.

"Masyarakat perlu memastikan sistem sanitasi sentiasa dalam keadaan baik kerana kehadiran tikus menjadi petunjuk kepada kegagalan itu.

"Malah, anak-anak kecil perlu diberikan kesedaran tentang bahaya tikus di persekitaran. Apabila mereka mempunyai kesedaran, ia secara tidak langsung akan menanam sikap tanggungjawab dalam diri mereka," katanya.

Hasmah memberitahu, masyarakat akan mengalami penyakit berjangkit sekiranya pembiakan tikus tidak dikawal kerana keadaan iklim di negara ini membolehkan penyebaran penyakit bawaan tikus dengan lebih cepat terutamanya selepas kejadian banjir.

"Longgokan sampah sarap selepas banjir menggalakkan penghijrahan tikus ke kawasan terkesan. Tikus sememangnya terkenal sebagai spesies haiwan yang menjadi punca penyebaran *patogen zoonotik* seperti bakteria, virus dan cacing," ujarnya.

Tambah Hasmah, terdapat 35 jenis penyakit yang dikaitkan dengan spesies tikus di seluruh dunia yang boleh membawa maut.

Penyakit itu tersebar menerusi pelbagai cara sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti mengendalikannya, sentuhan dengan najis, air kencing, air liur atau gigitan tikus.

"Sentuhan langsung dengan tikus mengakibatkan penyakit *hantavirus* dan *tularemia*. Tikus juga boleh menyebarkan kutu yang boleh menyebabkan penyakit *lyme* dan *babesiosis*," ujarnya.

**Menguruskan sisa makanan dengan berkesan adalah satu kaedah untuk menghalang kehadiran tikus. - Gambar hiasan**

**Membiak**  
"Haiwan ini mempunyai kadar pembiakan yang cepat dan mudah beradaptasi dengan perubahan persekitaran. "Bilangan populasi yang tinggi di Kuala Lumpur telah mendorong tikus untuk membiak dengan banyak kerana kewujudan pelbagai punca bagi mencari makanan serta tempat perlindungan," katanya ketika dihubungi Kosmo! baru-baru ini.

**Sejarah membuktikan hubungan manusia dan tikus sebagai suatu hal yang kurang menyenangkan. Epidemi Black Death yang mengorbankan 75 juta hingga 200 juta manusia merentasi benua Eropah pada abad ke-13 sebahagian besarnya berpunca daripada kuman yang dibawa oleh makhluk perosak ini. Tidak kurang di Malaysia, setiap tahun pasti ada sahaja kes kematian disebabkan oleh jangkitan leptospirosis gara-gara mengambil makanan atau minuman yang dicemari kencing tikus. Kuala Lumpur dikatakan menjadi syurga tikus apabila baru-baru ini akhbar Kosmo!**

**Menurut Hasmah,** amalan pengurusan sisa yang tidak lestari, keadaan persekitaran, sistem sanitasi yang lemah dan longgokan sampah sarap turut mengundang kepada pembiakan tikus. Justeru, selain kaedah seperti *clean up*, *seal up* dan *trap up* yang sering digunakan dalam operasi penghapusan tikus, masyarakat disarankan untuk mengubah tingkah laku mereka.

Hasmah memberitahu, menghapuskan punca makanan tikus di kawasan bandar akan membantu mengawal populasi pembiakan haiwan tersebut. "Punca makanan tikus adalah berkait rapat dengan pengurusan sisa makanan. Jadi, menguruskan sisa makanan dengan berkesan adalah satu kaedah untuk menutup peluang kepada kehadiran tikus di persekitaran bandar.

"Amalan kitar semula sisa pepejal seperti sisa makanan diyakini boleh mencegah pencemaran persekitaran. Dapur yang sentiasa bersih dan amalan penyediaan makanan yang baik dalam kalangan penyedia makanan sangat penting untuk mencegah kehadiran tikus di persekitaran premis menjual makanan.

"Masyarakat perlu memastikan sistem sanitasi sentiasa dalam keadaan baik kerana kehadiran tikus menjadi petunjuk kepada kegagalan itu.

"Malah, anak-anak kecil perlu diberikan kesedaran tentang bahaya tikus di persekitaran. Apabila mereka mempunyai kesedaran, ia secara tidak langsung akan menanam sikap tanggungjawab dalam diri mereka," katanya.

Hasmah memberitahu, masyarakat akan mengalami penyakit berjangkit sekiranya pembiakan tikus tidak dikawal kerana keadaan iklim di negara ini membolehkan penyebaran penyakit bawaan tikus dengan lebih cepat terutamanya selepas kejadian banjir.

"Longgokan sampah sarap selepas banjir menggalakkan penghijrahan tikus ke kawasan terkesan. Tikus sememangnya terkenal sebagai spesies haiwan yang menjadi punca penyebaran *patogen zoonotik* seperti bakteria, virus dan cacing," ujarnya.

Tambah Hasmah, terdapat 35 jenis penyakit yang dikaitkan dengan spesies tikus di seluruh dunia yang boleh membawa maut.

Penyakit itu tersebar menerusi pelbagai cara sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti mengendalikannya, sentuhan dengan najis, air kencing, air liur atau gigitan tikus.

"Sentuhan langsung dengan tikus mengakibatkan penyakit *hantavirus* dan *tularemia*. Tikus juga boleh menyebarkan kutu yang boleh menyebabkan penyakit *lyme* dan *babesiosis*," ujarnya.